

Konsep Wali Menurut Pemikiran Tasawuf Sheikh Ahmad bin Sheikh Haji Muhamamad Said al-Lingga (1910-1964)

BITARA

Volume 7, Issue 2, 2024: 336-351
 © The Author(s) 2024
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 30 April 2024
 Accepted: 28 May 2024
 Published: 30 June 2024

[The Concept of Sainthood According to The Sufi Thought of Sheikh Ahmad bin Sheikh Haji Muhammad Said al-Lingga (1910-1964)]

Nur Adibah Mokhtar¹, Abdull Rahman Mahmood^{1*} & Yusri Mohamad Ramli¹

1 Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: adibah.mokhtr@gmail.com; abrm@ukm.edu.my; yusri_mr@ukm.edu.my

*Corresponding Author: abrm@ukm.edu.my

Abstrak

Kewalian merupakan satu kedudukan mulia yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Namun, salah faham terhadap konsep kewalian sering berlaku dalam masyarakat. Kajian ini bertujuan menganalisis pemikiran tasawuf Sheikh Ahmad bin Sheikh Muhammad Said al-Lingga, seorang tokoh tasawuf dari Negeri Sembilan, mengenai konsep wali berdasarkan karya beliau *Ittiḥāf Dhawī al-Raghabāt* dan *Raf‘ al-Khidr ‘an Amr al-Awliyā’*. Metodologi kajian melibatkan analisis teks terhadap karya-karya Sheikh Ahmad al-Lingga serta perbandingan dengan pandangan ulama muktabar Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah. Penelitian juga menilai definisi wali, sifat-sifatnya, dan hierarki martabat wali dalam tradisi tasawuf. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sheikh Ahmad al-Lingga mendefinisikan wali sebagai seseorang yang telah sampai kepada Allah. Beliau menekankan kepentingan akidah yang sahih, mengikut Nabi Muhammad SAW, taat dan patuh kepada syariat, dan memperbanyakkan dalam berzikir kepada Allah sebagai sifat utama wali. Selain itu, beliau mempertahankan konsep martabat wali seperti Qutb, Abdal, Awtad, dan Anjab berdasarkan hadis-hadis dan athar yang saling menguatkan daripada pelbagai jalur sanad. Pandangan ini menunjukkan keseimbangan antara akidah, syariat, dan tasawuf dalam memahami konsep kewalian. Kajian ini menyimpulkan bahawa Sheikh Ahmad al-Lingga membentuk pemahaman tentang kewalian yang selaras dengan pandangan ulama Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah.

Kata kunci: Wali, Tasawuf, Sheikh Ahmad al-Lingga, Ulama Tanah Melayu

Abstract

Sainthood is a noble status bestowed by Allah upon His chosen servants. However, misunderstandings about the concept of sainthood often arise within society. This study aims to analyze the Sufi thought of Sheikh Ahmad bin Sheikh Muhammad Said al-Lingga, a prominent Sufi scholar from Negeri Sembilan, on the concept of sainthood based on his works *Ittiḥāf Dhawī al-Raghabāt* and *Raf‘ al-Khidr ‘an Amr al-Awliyā’*. The methodology involves textual analysis of Sheikh Ahmad al-Lingga's works and comparisons with the views of renowned scholars within the Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah tradition. The study examines the definition of a saint, their attributes, and the hierarchical ranks of sainthood in Sufi tradition. The findings reveal that Sheikh Ahmad al-Lingga defines a saint as someone who has reached closeness to Allah. He emphasizes the importance of sound creed, adherence to the teachings of Prophet Muhammad SAW, obedience to sharia, and consistent remembrance (dhikr) of Allah as key traits of a saint. Additionally, he defends the concept of saintly ranks such as Qutb, Abdal, Awtad, and Anjab, supported by mutually corroborating hadiths and athar from various chains of transmission.

This perspective demonstrates a balanced integration of creed, sharia, and Sufism in understanding sainthood. The study concludes that Sheikh Ahmad al-Lingga's interpretation of sainthood aligns with the views of scholars from the Ahli Sunnah wa al-Jama'ah tradition.

Keywords: Sainthood, Sufism, Sheikh Ahmad al-Lingga, Malay Scholars

Cite This Article:

Nur Adibah Mokhtar, Abdull Rahman Mahmood & Yusri Mohamad Ramli. (2024). Konsep Wali Menurut Pemikiran Tasawuf Sheikh Ahmad bin Sheikh Haji Muhamamd Said al-Lingga (1910-1964) [The Concept of Sainthood According to The Sufi Thought of Sheikh Ahmad bin Sheikh Haji Muhammad Said al-Lingga (1910-1964)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(2): 336-351.

Pengenalan

Kewalian adalah sebuah kedudukan mulia yang dikurniakan oleh Allah buat hambanya yang terpilih. Namun begitu, banyak kekeliruan yang timbul berkaitan konsep ini dalam kalangan masyarakat. Antara yang sering terjadi adalah dalam menilai seseorang sebagai wali Allah. Kekeliruan dalam mengenali sifat wali yang ditetapkan oleh syariat membawa kepada implikasi buruk seperti pengkultusan melampau terhadap individu yang tidak layak. Kes GISB Holdings Sdn. Bhd. merupakan bukti nyata kejahilan dalam memahami konsep kewalian dan karamah sebenar. Pengikut kumpulan tersebut didapati mentaati pemimpin mereka secara membuta tuli dan mengambil keberkatan dari sisa tubuh badan pemimpin mereka (Berita Harian 2024).

Selain itu, sebahagian masyarakat beranggapan bahawa seseorang wali itu mesti mempunyai penampilan dan tingkah laku yang pelik. Ada yang mempercayai bahawa seorang wali berpakaian kotor, berkelakuan seperti orang tidak siuman atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan norma masyarakat (Mohd Aizul Yaakob et al. 2022). Di samping itu, kurangnya pemahaman mendalam tentang konsep kewalian dalam Islam menjadi punca pengingkaran terhadap konsep martabat wali. Hal ini kerana martabat wali seperti wali Qutub, Awtad, Anjab, Abdal dan sebagainya didakwa tidak berasas kerana dikatakan tiada sandaran daripada al-Quran dan hadis (Muhammad Labib Ahmad 2023; Hazman Hassan & Muhammad Ihsan Idris 2017). Malah, kekeramatan yang dikurniakan kepada wali seperti wali Qutb dinafikan kerana menganggap ia telah mencampur urusan Allah dalam mentadbir alam (Basri Ibrahim 2021). Salah faham memahami konsep wali yang sebenar juga menyebabkan masyarakat memperlekehkan wali dengan mendakwa bahawa jenis-jenis wali seperti wali Qutub, Awtad, Anjab dan Abdal adalah sebuah cerita dongeng dan palsu dan menyamakannya cerita superhero Marvel (Facebook 2024). Keadaan ini diburukkan lagi dengan penyebaran maklumat yang tidak tepat melalui media sosial dan internet dengan membentuk persepsi yang buruk terhadap wali dalam masyarakat.

Oleh itu, konsep wali ini seharusnya perlu difahami dalam kerangka akidah dan disiplin ilmu tasawuf yang betul. Dalam konteks ini, Sheikh Ahmad bin Sheikh Muhammad Said al-Lingga melalui karyanya *Ittiḥāf Dhawī al-Raghabāt* dan *Raf‘ al-Khidr ‘an Amr al-Awliya’ wa Sayidihim al-Khidr* memberikan pandangan dalam memahami konsep ini menurut pemahaman Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang sebenar. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan Sheikh Ahmad al-Lingga mengenai konsep wali serta membandingkannya dengan pandangan ulama-ulama muktabar. Melalui kajian ini, diharap dapat membetulkan fahaman yang tersasar dan memberikan pencerahan kepada masyarakat Islam di Malaysia tentang hakikat sebenar

kewalian dalam Islam. Perbincangan ini penting untuk memastikan pemahaman yang murni tentang kedudukan wali dalam Islam serta memahami hakikat kedudukan wali sebagai sebuah kemuliaan yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-hamba pilihan-Nya.

Latar Belakang Sheikh Ahmad al-Lingga

Nama penuh beliau ialah Syeikh Ahmad bin Sheikh Muhammad Said al-Lingga. Beliau dilahirkan pada hari Rabu pada 25 Rabiul Awwal 1328 H di Kampung Ampangan, Seremban (Hasan Saleh & Muhammad Nur Manuti 1980). Beliau lahir daripada keturunan ulama hebat di Negeri Sembilan. Bapanya, Syeikh Haji Muhamamad Said al-Lingga adalah seorang tokoh yang berperanan penting dalam penyebaran Tarekat Ahmadiyyah di Nusantara dan dilantik sebagai Khalifah Pertama Tarekat al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyyah di Asia Tenggara (Mahmud Saedon 1980).

Mengenai latar belakang pendidikannya, Sheikh Ahmad mendapat pendidikan formal di Sekolah Melayu Ampangan, Seremban semasa kanak-kanak (Mahmud Saedon 1986). Dalam masa yang sama beliau mendapat pendidikan agama secara informal menerusi bapanya sendiri, Sheikh Haji Muhamamad Said dan neneknya, Puan Hajjah Sofiyyah binti Haji Saleh. Pada tahun 1926, beliau melanjutkan pelajaran di Mekah. Antara guru beliau semasa di Mekah ialah Sheikh Ḩabd al-Sattar al-Qutubi al-Hind, Sheikh Ḩumar Bājunid, Sheikh Ḩabd al-Qādir al-Qutubi, Sheikh ḨAli Hussain al-Maliki, Sheikh Said al-Yamani, dan Sheikh Ḩabd al-Hay al-Kettani (Hasan Saleh & Muhammad Nur Manuti 1980).

Faktor pembentukan pemikiran tasawuf beliau banyak didasari oleh pengaruh bapanya sendiri, Syeikh Haji Muhamamad Said yang terlibat secara langsung dalam pengamalan dan penyebaran Tarekat al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyyah di Asia Tenggara. Setelah sekian lama mengamalkan tarekat di bawah asuhan dan bimbingan bapanya, selepas beliau pulang dari Mekah beliau terus dilantik sebagai pembantu kanan khalifah kedua Tarekat al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyyah, iaitu Sheikh Abdullah. Selepas kewafatan Sheikh Abdullah, Sheikh Ahmad kemudian dilantik sebagai khalifah ketiga di Asia Tenggara (Mahmud Saedon 1980).

Dalam sebuah catatan Sheikh Ahmad (1355 H), beliau pernah mendirikan sebuah madrasah. Madarasah tersebut dinamakan sebagai Madrasah al-Saidiyyah bersempena nama bapanya. Menurut Hamdan Hassan (1990) pentarbiyahannya di madrasah tersebut adalah mengikut tarbiah dalam Tarekat al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyyah.

Abdul Manam Mohamad (2009) menyifatkan beliau sebagai seorang tokoh pengembang tasawuf yang produktif dalam menghasilkan karya ilmiah. Buktinya dapat dilihat sejumlah karyanya yang sebahagian besarnya adalah dalam bidang tarekat dan tasawuf. Antara kitab beliau ialah (1) *Farāid al-Ma'āthir al-Marwiyyah li al-Tarīqah al-Ahmadiyyah al-Rashīdiyyah al-Dandarāwiyyah*, (2) *Awrād al-Tarīqah al-Ahmadiyyah* dan Kelebihannya dan *Tuhfah al-Ikhwān fīmā Yakhtassu bi Lailah al-Nisf min Sha'bān*, (3) *al-Fuyūḍāt al-Ahmadiyyah fī Faḍl Takhrīj Ba'ḍ Kalimat al-Huṣūn al-Manī'ah al-Nabawiyah*, (4) *al-Qawl al-Waft bimā Thabata fī al-Dhikr al-Jalī wa al-Khaft*, (5) *Raf' al-Khidr 'an Amr al-Awliyā' wa Saiyyidihim al-Khiḍr*, (6) *Ittiḥāf Dhawī al-Raghabāt bi Bayān Karāmāt al-Awliyā' fī al-Hayāh wa ba'da al-Mamāt* dan sebagainya (Mahmud Saedon 1980).

Kealiman Sheikh Ahmad al-Lingga dalam ilmu agama diperakui oleh ulama Negeri Sembilan pada zamannya. Hal ini melayakkan beliau menjadi orang pertama yang memegang jawatan mufti di negeri Sembilan (Mahmud Saedon 1980). Menurut Sedgwick (2005), pengaruh beliau sebagai mufti dan khalifah tarekat telah menjadikan tarekat al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyah berkembang pesat dengan pengikutnya mencapai 60,000 orang, termasuk golongan istana, penjawat awam, dan masyarakat tempatan. Walaupun menurut Sedgwick jumlah tersebut adalah terlalu besar tetapi ia menggambarkan betapa ramainya pengikut beliau.

Sheikh Ahmad al-Lingga meninggal pada tahun 1964 bersamaan 1345 H. Jenazah beliau disemadikan berhampiran dengan makam bapanya di Tanah Perkuburan Makam Sheikh Haji Mohd Said, Ampangan, Seremban (Hasan Saleh & Muhammad Nur Manuti 1980).

Definisi Wali

Bagi memahami dengan lebih jelas mengenai pemikiran tasawuf Sheikh Ahmad al-Lingga mengenai konsep wali, maka perlu dilihat definisi wali menurut beliau terlebih dahulu. Dari sudut bahasa, al-Fayrūzābādī (2008) dalam *al-Qāmīs al-Muhibb* menjelaskan bahawa wali membawa maksud kedekatan dan keakraban. Sementara al-Rāzī (1986) dalam *Mukhtār al-Sīhāh* menambah bahawa wali adalah lawan kepada permusuhan. Berdasarkan pemahaman dari sudut bahasa ini telah membentuk sebuah asas bagi membentuk definisi istilah yang lebih mendalam terhadap makna wali.

Dari segi istilah, Imam al-Taftāzānī (t.th) dalam *Sharah al-‘Aqā’id al-Nasafiyah* mendefinisikan wali sebagai seorang yang mengenal Allah setakat yang mungkin, yang konsisten dalam ketaatan, menjauhi maksiat, dan berpaling dari tenggelam dalam kelazatan dan syahwat. Menurut beliau (t.th.:134):

الولي العارف بالله حسب يمكن، المواظب على الطاعات المجبوبة للمعاصي، المعرض عن الانهماك في
اللذات والشهوات

Definisi ini turut disokong oleh Imam al-Bayjūrī (2015) dalam *Hāshiyah ‘ala Jawharat al-Tawhīd* dengan huraian lanjut. Beliau menjelaskan bahawa seorang wali melaksanakan ketaatan dan menjauhi maksiat. Ini tidak bermakna bahawa dia tidak akan melakukan maksiat sama sekali kerana dia bukanlah maksum. Sekiranya dia melakukan maksiat dia akan bertaubat. Malah, beliau juga menyebut bahawa seseorang itu disebut wali kerana Allah mengurus urusannya dan tidak membiarkannya kepada dirinya sendiri atau kepada orang lain walau sekejap. Menurut beliau (2015:253):

ولي وهو العارف بالله وبصفاته حسب الإمكان، المواظب على الطاعة المجبوبة للمعاصي بمعنى أنه لا يرتكب معصية بدون توبة. وليس المراد أنه لا تقع منه معصية بالكلية إذ ليس معصوما. وقولهم ((لا يكذب الولي)) أي بلسان حاله بأن يظهر خلاف ما يبطن المعرض عن النهماك في اللذات والشهوات المباحة، وأما الأصل التناول فلا مانع منه لا سيما إذا كان بقصد التقوى على العبادة. وسمى ولينا لأن الله تولى أمره فلم يكله إلى نفسه ولا إلى غيره لحظة، ولأنه يتولى عبادة الله على الدوام من غير أن يتخللها عصيان.

Manakala al-Hujwīrī (2008) dalam *al-Kashf al-Mahjūb* menukilkan daripada al-^cArif Abu ^cAli al-Jauzajānī mendefinisikan wali sebagai orang yang *fanā'* dalam keadaannya, tetapi *baqā'* dalam penglihatan kepada Allah. Allah mengurus segala urusannya sehingga cahaya-cahaya ketuhanan yang sentiasa menyinari dirinya. Menurut beliau (2008:247):

الولي هو الفاني في حاله الباقي في مشاهدة الحق تعالى تولى الله جل جلاله سياسته فتوالت عليه
أنوار التوالي لم يكن له عن نفسه أخبار ولا مع غير الله سبحانه قرار.

Sementara itu, Imam al-Qushayrī (1989) dalam kitab *al-Risālah* memberikan definisi wali dengan dua pengertian. Pertama, seseorang yang ketaatannya berterusan tanpa diselangi oleh maksiat. Kedua, seorang yang sentiasa dilindungi dan dipelihara oleh Allah dalam urusannya. Beliau berkata (1989:565):

يَحْتَمِلُ أَمْرِيْنِ أَحَدُهُمَا أَنْ يَكُونَ فَعِيْلًا مِبْالَغَةً مِنَ الْفَاعِلِ؛ كَالْعَلِيمِ وَالْقَدِيرِ وَغَيْرِهِ، مِنْ تَوَالِتْ طَاعَتْهُ مِنْ
غَيْرِ تَخْلُّ مُعْصِيَةٍ. وَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ فَعِيْلًا بِمَعْنَى مَفْعُولٍ، كَفْتَيْلٌ بِمَعْنَى مَفْتُولٍ، وَجَرِيحٌ بِمَعْنَى مَجْرُوحٍ
وَهُوَ الَّذِي يَتَوَلِّ الْحَقَّ سَبْحَانَهُ، حَفْظَهُ وَحْرَاسَتَهُ عَلَى الْإِدَامَةِ وَالْتَّوَالِي فَلَا يَخْلُقُ لَهُ الْخَلَانُ الَّذِي هُوَ
قَدْرَةُ الْعَصَيَانِ، وَإِنَّمَا يَدِيمُ تَوْفِيقَهُ الَّذِي هُوَ قَدْرَةُ الطَّاعَةِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَهُوَ يَتَوَلِّ الْصَّالِحِينَ.

Al-Nabhānī pula (1999) dalam *Jāmi' Karāmāt al-Awliyā'* menjelaskan bahawa wali adalah orang yang dekat dengan hadrah Allah kerana banyaknya ketaatan dan keikhlasannya sehingga Allah memberikan rahmat, keutamaan, dan kebaikan-Nya. Menurut beliau (1999:14):

الولي هو القريب في اللغة فإذا كان العبد قريبا من حضرة الله بسبب كثرة طاعاته وكثرة إخلاصه وكان
الرب قريبا منه برحمته وفضله واحسانه فهناك حصلت الولاية.

Sementara itu, Sheikh Ahmad al-Linggi (1358Hb:18) dalam *Ittiḥād Dhawi al-Raghābāt* mendefinisikan wali sebagai orang yang telah sampai kepada Allah. Menurutnya: “Dan adapun wali-wali maka mereka itulah yang telah sampai.” Perkataan “sampai” daripada definisi beliau ini sekiranya dilihat daripada konteks tasawuf, ia merujuk kepada konsep *wuṣūl* kepada Allah. Imam al-Ghazali (t.th.:37) dalam *Rawdat al-Tālibīn wa 'Umdat al-Sālikīn* menyebut bahawa *wuṣūl* ialah:

أعلم أن الوصول هو أن ينكشف للعبد حيلة الحق ويصير مستغرقا به، فإن نظر إلى معرفته فلا يعرف
إلا الله وإن نظر إلى همته فلا همة له سواه. فيكون كله مشغولا بكله مشاهدة وهماً ولا يلتفت في ذلك
إلى نفسه ليعمر ظاهره بالعبادة أو باطنه بتهذيب الأخلاق وكل ذلك ظهارة وهي البداية، وأما النهاية
أن ينسليخ من نفسه بالكلية ويتجرد له فيكون كأنه هو.

Maksudnya: Ketahuilah bahawa *wuṣūl* adalah apabila terbuka kepada hamba suatu hakikat kebenaran, sehingga dia tenggelam sepenuhnya di dalamnya. Jika dia memandang kepada makrifatnya, dia tidak mengenal kecuali Allah. Dan jika dia melihat kepada tekadnya, maka dia tidak mempunyai tekad selain Dia. Maka seluruh dirinya disibukkan dengan keseluruhannya, melalui penyaksian dan perenungan. Dalam keadaan ini, dia tidak menoleh kepada dirinya sendiri untuk membangun zahirnya dengan ibadah atau batinnya dengan penyucian akhlak,

kerana semua itu hanyalah suatu bentuk penyucian yang merupakan permulaan. Adapun kesudahannya adalah ketika dia terlepas sepenuhnya daripada dirinya sendiri dan menyucikan diri sepenuhnya untuk-Nya, sehingga dia seolah-olah menjadi Dia.

Berdasarkan kenyataan Imam al-Ghazali (t.th.) ini menjelaskan bahawa *wuṣūl* adalah satu keadaan di mana seorang hamba dapat menyingkap dan memahami kebenaran hakiki tentang Allah. Dalam keadaan ini, seseorang itu akan menjadi tenggelam sepenuhnya terhadap Allah. Apabila mencapai tahap ini, makrifahnya hanya tertumpu kepada Allah semata-mata. Keadaan ini menjadikan seluruh kewujudannya dipenuhi dengan pemerhatian dan tumpuan kepada Allah sehingga dia tidak lagi memikirkan tentang dirinya sendiri.

Kenyataan ini menepati dengan konsep *fanā'* sebagaimana yang disebutkan oleh al-Jurjānī (1990:274) dalam *الفناء رؤية العبد لفعله لقيام الله على ذلك*. Oleh itu, penelitian terhadap definisi Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Hb) mendapati bahawa ia tertumpu kepada makna *fanā'*. Unsur *fanā'* dalam definisi wali dapat dilihat dalam definisi al-Hujwiri (2008) dalam *al-Kashf al-Mahjūb* yang dinukilkan daripada al-‘Arif Abu ‘Ali al-Jauzajāni. Definisi tersebut telah menggabungkan dua konsep iaitu konsep *fanā'* (pelenyapan diri) dan *baqā'* (kekekalan dalam Allah). Seorang wali menurut definisi ini, telah mencapai keadaan di mana dia sepenuhnya hilang dari dirinya sendiri dan pada masa yang sama kekal dalam penyaksian Allah.

Keadaan *fanā'* tidak dapat dipisahkan dengan konsep makrifah kerana *fanā'* terhasil selepas seseorang hamba memperoleh makrifah. Menurut al-Qushayri (1989) makrifah adalah sifat orang yang mengenal Allah dengan sifat-sifat-Nya dan nama-nama-Nya. Apabila diilhamkan Allah akan rahsia-rahsia-Nya seseorang itu digelar *‘ārif billah* dan ketika itu keadaannya dipanggil makrifah. Oleh itu, wali seperti yang didefinisikan oleh Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Hb) secara tidak langsung mempunyai unsur makrifah yang merupakan sebahagian dari asas kewalian. Hal ini seperti yang disebut dalam definisi wali oleh Imam al-Taftazāni (t.th.) dan Imam al-Bayjūrī (2015) yang menyebut bahawa wali adalah seorang *‘ārif billah*.

Daripada definisi yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ulama tasawuf mengikat definisi wali dengan makrifah dan *fanā'*. Makrifah terhadap Allah secara mendalam menghasilkan *fanā'* yang menyebabkan seseorang tenggelam dalam mencintai Allah. Berdasarkan keterangan Sheikh Ahmad al-Lingga, dapat disimpulkan bahawa wali itu adalah suatu kedudukan seseorang yang telah sampai kepada Allah melalui pengetahuannya terhadap Allah (*makrifatullah*). Wali yang mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah telah sampai kepada cinta hakiki kepada Allah sehingga lenyap daripada memandang dirinya kerana melihat semuanya adalah datang daripada Allah.

Sifat-sifat Wali

Mengenali sifat-sifat wali Allah adalah penting untuk membezakan antara wali sebenar dengan individu yang mendakwa dirinya wali tetapi sebenarnya menyesatkan. Dalam masyarakat, sering kali wujud golongan yang menggunakan gelaran wali untuk meraih kepercayaan orang lain, sedangkan mereka tidak memenuhi kriteria seperti yang digariskan oleh al-Quran dan al-

Sunnah. Oleh yang demikian, para ulama telah menggariskan beberapa sifat-sifat utama wali. Antara sifat-sifat tersebut ialah:

1. Keimanan dan ketakwaan yang tinggi

Dalam surah Yunus, ayat 62-63, Allah SWT telah menerangkan sifat-sifat yang dimiliki oleh para wali:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَخْرَجُونَ ○ الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ

Maksudnya: Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada keimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertakwa.

Menurut Ibn Kathir (1990), ayat ini menegaskan bahawa para wali Allah adalah individu yang menghimpunkan antara keimanan yang teguh dan ketakwaan yang mendalam. Keimanan mereka bukan sekadar pengakuan lisan, tetapi disertai dengan keyakinan hati yang kukuh terhadap keesaan Allah, kebenaran wahyu-Nya, dan ketetapan syariat-Nya. Ketakwaan yang tinggi melahirkan kesungguhan dalam menjaga hubungan dengan Allah dengan sentiasa patuh kepada perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Gabungan iman dan takwa menjadikan mereka berdiri teguh dalam kebenaran dan istiqamah dalam ketaatan.

2. Kefahaman mendalam terhadap agama

Imam al-Safārīnī (1991) menjelaskan bahawa seorang wali Allah mestilah memiliki keilmuan yang mendalam dalam agama dan kefahaman yang menyeluruh terhadap hukum-hakam syariat. Pegangan teguh kepada al-Quran dan sunnah menjadi asas yang memandu setiap tindakan dan keputusan. Ini menyebabkan mereka tidak akan menyimpang daripada prinsip-prinsip agama dan tidak mudah terpedaya dengan tipu daya syaitan dan hawa nafsu.

3. Seluruh Kehidupan Tertumpu Kepada Allah SWT

Imam al-Qushayrī (1989:419) merumuskan tiga tanda utama yang menjadi sifat seorang wali Allah, seperti yang dinyatakan dalam ungkapan beliau:

عَلَامَاتُ الْوَلِيِّ ثَلَاثَةٌ: شُغْلُهُ بِاللَّهِ، وَفَرَارُهُ إِلَى اللَّهِ، وَهُمَّهُ إِلَى اللَّهِ

Maksudnya: Tanda-tanda wali ada tiga: kesibukannya hanya dengan Allah, pelariannya menuju Allah, dan tekadnya tertumpu kepada Allah.

Tiga tanda ini memberikan penjelasan bahawa keperibadian seorang wali Allah tertumpu sepenuhnya kepada Allah SWT. Kesibukan dengan Allah (شُغْلُهُ بِاللَّهِ) menunjukkan bahawa seorang wali sentiasa fokus kepada Allah dengan membanyakkan ibadah seperti solat,

puasa, dan zikir. Bahkan, seluruh urusan duniawi diniatkan sebagai ibadah untuk mencari reda Allah. Apabila ditimpa musibah dan kesulitan, mereka melaikan diri kepada Allah (فَرَأَهُ إِلَيْهِ) dengan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah. Tujuan utama hidup mereka adalah Allah semata-mata (هُمْ إِلَيْهِ). Ini menunjukkan bahawa seluruh kehidupan para wali hanya bermatlamatkan kepada cinta kepada Allah.

4. Berakhlak mulia

Imam al-Safārīnī (1991) menyatakan bahawa akhlak mulia merupakan salah satu ciri utama seorang wali Allah. Ia meliputi aspek zahir seperti tutur kata yang baik atau kesopanan serta aspek batin seperti ikhlas dan zuhud. Bahkan, para wali Allah sentiasa menjauhi sifat-sifat tercela seperti sompong, iri hati, atau hasad dengki dalam usaha mendekatkan diri kepada-Nya. Sementara itu, dalam menjelaskan sifat-sifat wali, Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Hb:7) dalam *Ittiḥāf Dhawī al-Raghabāt* berkata:

“Dan tiadalah seorang wali ia melainkan adalah ia sebenar pada agamanya, mengaku ia dengan risalah rasul-Nya, menjunjung ia bagi segala suruhan-Nya, menjauh ia bagi segala larangan-Nya, hingga jikalau mendakwa oleh demikian itu wali akan berasing dengan dirinya. Dan ketiadaan mengikut bukanlah ia wali.”

“Mereka itu pada mengikut akan perjalanan Nabi *salla Allah ‘alaihi wa sallam* dan hukum-hukum agama dan adab-adabnya akan darjah yang tinggi.”

Daripada kenyataan Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Hb) ini terdapat beberapa sifat utama wali yang ditonjolkan. Pertama, menurut beliau seorang wali itu mestilah seorang yang benar pada agamanya. Ini bermakna seorang wali Allah mestilah memiliki akidah yang sahih. Ia bukan sekadar tanda seorang wali, bahkan merupakan asas yang menentukan kesahihan status kewalian seseorang. Dalam konteks ini, akidah yang sahih memainkan peranan penting dalam mencapai *makrifatullah*. Seorang wali Allah yang memiliki akidah yang benar, memahami Allah melalui nama-nama dan sifat-sifat-Nya dengan pemahaman yang tepat tanpa menyerupakan Allah dengan mana-mana makhluk. Pemahaman ini membawa kepada pencapaian tahap ihsan sehingga setiap amalan yang dilakukan dirasai seolah-olah Allah melihatnya.

Kedua, Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Hb) menegaskan bahawa pengakuan terhadap risalah Rasulullah SAW merupakan ciri bagi seseorang yang digelar wali Allah. Pengakuan ini berupa penerimaan terhadap seluruh ajaran yang dibawa oleh baginda sama ada berkaitan akidah, ibadah, muamalat, mahupun akhlak. Dengan itu, seorang wali Allah sentiasa menjalani seluruh kehidupannya sama ada zahir dan batin seiring dengan sunnah baginda SAW. Dalam konteks tasawuf, penghayatan dan kepatuhan kepada sunnah Rasulullah SAW akan membuka pintu makrifah kepada Allah. Hal ini kerana menurut Jahid Sidek (2010), ia menyebabkan seseorang mendapat pancaran nurnya dan dapat membangun iman *mushāhadah* di dalam hati. Oleh itu, mengikut Rasulullah SAW merupakan kunci utama kepada perjalanan rohani dalam menuju Allah.

Ketiga, Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Hb) menjelaskan bahawa sifat seorang wali itu hendaklah menjunjung segala suruhan Allah dan menjauh segala larangan Allah. Ini bermakna jika seseorang mendakwa dirinya wali tetapi perlakuannya tidak selari dengan perintah Allah seperti tidak melakukan solat, puasa, dan sebagainya kerana mendakwa telah mencapai maqam tertentu, ia jelas bukan seorang wali sekalipun terjadi perkara luar biasa pada dirinya. Ibn Hajar al-^cAsqalāni (2005) dalam *Fath al-Bārī* menekankan keperluan satu kriteria yang jelas dalam menentukan status kewalian seseorang. Beliau menyatakan bahawa jika seseorang itu berpegang teguh dengan segala perintah syariat dan menjauhi larangan Allah, maka itu adalah tanda kewaliannya dan jika sebaliknya, maka dia bukanlah wali. Dalam pada itu, para ulama tasawuf juga menetapkan suatu disiplin dalam menuju Allah iaitu perlu menggabungkan antara syariat dan hakikat kerana kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Imam Zarruq (2005) menegaskan bahawa pengamalan syariat adalah asas yang perlu dipatuhi yang membawa kepada hakikat pengenalan kepada Allah. Dalam hal ini, segala kepercayaan dan pengamalan seorang wali mestilah selari berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (^cAbd al-Qadir Isa 2008).

Keempat, Sheikh Ahmad al-Lingga (1358 Ha) dalam *al-Qawl al-Wāfi* menambah bahawa antara sifat wali adalah banyak berzikir kepada Allah. Beliau berkata: “Dan pertandaan wali yang tiada syak padanya bahawa adalah ia membanyakkan daripada zikrullah.” Ini kerana zikir bertindak dalam menghubungkan seorang hamba dengan Allah SWT, menyucikan jiwa dan memurnikan hati. Keutamaan zikir ini diperkuuhkan lagi dengan hadis qudsi:

إِذَا كَانَ الْغَالِبُ عَلَى عَبْدِي الْأَشْتَغَلُ بِي جَعْلْتُ نَعِيمَهُ وَلَذْتَهُ فِي ذَكْرِي
عَشْقَنِي وَعَشْقُتُهُ، فَإِذَا عَشْقَنِي وَعَشْقُتُهُ رَفَعْتُ الْحِجَابَ فِيمَا بَيْتِي وَبَيْتَهُ، وَصُرْتُ مُعَالِمًا بَيْنَ عَيْنَيْهِ،
وَلَا يَسْهُو إِذَا سَهَى النَّاسُ

Maksudnya: Apabila seorang hamba-Ku menjadi sibuk sepenuhnya dengan mengingati-Ku, Aku jadikan nikmat dan kesenangannya dalam mengingati-Ku. Apabila Aku jadikan nikmat dan kesenangannya dalam zikir mengingati-Ku, dia akan mencintai-Ku, dan Aku mencintainya. Apabila dia mencintai-Ku dan Aku mencintainya, Aku akan mengangkat hijab antara Aku dan dia. Aku akan menjadi panduan di hadapan matanya, dan dia tidak akan lalai ketika manusia lain lalai.

Hadis ini menunjukkan bahawa bermula dari kesibukan dengan zikir akan membawa kepada sebuah kenikmatan dalam mengingati Allah, kemudian mencapai tahap cinta antara hamba dan Tuhan, dan akhirnya akan menyampaikan kepada tahap pengangkatan hijab dan pencapaian makrifat yang hakiki. Hal ini selari dengan apa yang ditegaskan oleh Imam al-Qushayri (1989) bahawa matlamat utama memperbanyakkan zikir adalah untuk melahirkan *makrifah al-dhawqiyyah* yang membawa kepada *mushāhadah*. Hasil dari keistiqamahan dalam berzikir, akan dianugerahkan dengan tiga bentuk kurniaan istimewa iaitu *mawāhib al-rabbāniyyah*, *al-^culūm al-ladduniyyah* dan *fath ilāhiyyah*. Kesemua kurniaan ini merupakan tanda kedekatan antara seorang wali dengan Allah SWT yang dicapai melalui amalan berzikir (^cAbd al-Qadir Isa 2008).

Kesimpulannya, Sheikh Ahmad al-Lingga menekankan bahawa kewalian seseorang berdiri di atas empat sifat utama iaitu merangkumi akidah yang sahih, pengakuan terhadap

risalah Rasulullah SAW, ketaatan kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, serta memperbanyak zikir kepada Allah. Dengan keempat-empat ciri ini, seorang hamba mencapai kedudukan yang hampir dengan Allah SWT yang disebut sebagai wali. Kesemua ciri-ciri wali yang disebutkan oleh Sheikh Ahmad al-Linggi ini menjadi kayu ukur dalam membezakan antara kewalian yang sebenar dengan dakwaan palsu. Dengan ini, ia sekaligus dapat memelihara kemurnian konsep kewalian dalam Islam.

Martabat Wali

Martabat wali adalah salah satu konsep yang terdapat dalam konsep kewalian. Martabat seperti Qutb, Abdal, Nujaba' dan Awtad ini menjadi perdebatan dalam sejarah Islam. Para ulama berbeza pendapat dalam menerima dan menolak konsep ini.

Sheikh Ibn Taymiyyah (2004) dalam *Majmū‘ al-Fatāwā* secara tegas menolak konsep ini kerana menurut beliau ia tidak memiliki asas yang kukuh dalam syariat Islam. Beliau menjelaskan bahawa istilah-istilah seperti Abdal, Qutb, dan lain-lain hanyalah rekaan semata-mata yang tidak ditemukan dalam al-Quran atau hadis sama ada melalui sanad yang sahih mahupun *dhaif*. Pandangan beliau disokong oleh Sheikh Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1980) dalam *al-Manār al-Munīf*. Beliau menolak semua hadis yang berkaitan dengan istilah ini sebagai palsu.

Selain daripada ketiadaan dalil *syar'i*, konsep martabat wali juga dikritik kerana dipercayai mengandungi unsur-unsur yang dipengaruhi oleh falsafah Yunani. Karamah yang dikurniakan oleh Allah kepada wali dikatakan menyerupai ciri-ciri tuhan yang menguasai alam semesta seperti mengatur nasib manusia dan menguasai rezeki. Perkara ini didakwa sama seperti yang dilakukan oleh tuhan-tuhan Greek (Abd al-Rahman Abd al-Khalīq t.th). Sheikh Ibn Taymiyyah (2004) dengan tegas menyatakan bahawa konsep ini membawa kepada penyelewengan akidah. Beliau menegaskan bahawa memberikan sifat-sifat ketuhanan kepada para wali, seperti menjadi perantara atau memiliki kuasa luar biasa adalah satu bentuk syirik.

Sementara itu, ramai ulama khususnya ulama tasawuf telah menerima konsep martabat wali dengan memperakui kewujudan wali Qutb, Abdal, Nujaba', Awtad dan sebagainya. Imam al-Suyūtī (2005) dalam risalahnya *Al-Khabar al-Dāl ‘alā Wujūd al-Qutb wa al-Awtād wa al-Nujabā’ wa al-Abdāl* telah menghimpunkan hadis-hadis dan athar untuk menyokong kewujudan martabat ini. Beliau mengumpulkannya daripada hadis-hadis sahih, hasan, *da‘if* dan mursal yang boleh diterima. Beliau berpendapat bahawa hadis *da‘if* boleh menjadi kuat apabila didukung oleh sanad yang berbeza. Maka, hadis-hadis yang datang melalui pelbagai jalur periwayatan akan naik mencapai taraf *hasan li ghairihi*. Jika hadis-hadis *da‘if* tidak mempunyai sokongan untuk menguatkannya, para ulama hadis sepakat ia tetap boleh diterima dalam kategori sejarah dan kisah *manāqib* (Muhammad Zaki Ibrahim 2005).

Kewujudan pelbagai martabat wali ini turut disokong oleh ramai ulama terkenal seperti al-Hafiz al-‘Ajluni, al-Hafiz Ibn Salāh, al-Hafiz Ibn Hajar al-Haytāmī, al-Hakīm, al-Hafiz al-Dhahabī, Imam al-Sakhāwī, al-Zabīdī, Imam Ahmad bin Hanbal, al-Hafiz Abu Musa al-Madīnī, Ibn Hajar al-‘Asqalānī, dan lain-lain (Zakaria Stapa 2024). Dalam hal ini, Sheikh Ahmad al-Linggi mempunyai pendapat yang serupa dengan majoriti ulama. Pendirian beliau ini dapat dilihat dalam kitab *al-Raf‘ al-Khidr ‘an Amr al-Awliya’ wa Sayyidihim al-Khidr*.

Beliau telah meriwayatkan hadis-hadis berkaitan bab ini, antaranya ialah (Ahmad al-Linggi. 1358Hc:3-10):

1. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Hafiz Abu Nu'aim daripada Abdullah bin Mas'ud Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَ فِي الْخَلْقِ ثَلَاثَمَانَةَ قُلُوبَهُمْ عَلَى قَلْبِ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَاللَّهُ فِي الْخَلْقِ أَرْبَعُونَ قُلُوبَهُمْ عَلَى قَلْبِ مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَاللَّهُ فِي الْخَلْقِ سَبْعَةَ قُلُوبَهُمْ عَلَى قَلْبِ إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَاللَّهُ فِي الْخَلْقِ خَمْسَةَ قُلُوبَهُمْ عَلَى قَلْبِ جَبَرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَاللَّهُ فِي الْخَلْقِ ثَلَاثَةَ قُلُوبَهُمْ عَلَى قَلْبِ مِيكَانِيلِ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَاللَّهُ فِي الْخَلْقِ وَاحِدٌ قُلُوبُهُ عَلَى قَلْبِ إِسْرَافِيلِ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَإِذَا ماتَ الْوَاحِدُ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ مِنَ الْثَّلَاثَةِ، وَإِذَا ماتَ مِنَ الْثَّلَاثَةِ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ مِنَ الْخَمْسَةِ، وَإِذَا ماتَ مِنَ الْخَمْسَةِ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ مِنَ السَّبْعَةِ، وَإِذَا ماتَ مِنَ السَّبْعَةِ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ مِنَ الْأَرْبَعِينِ، وَإِذَا ماتَ مِنَ الْأَرْبَعِينِ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ مِنَ الْثَّلَاثَمَانَةِ، وَإِذَا ماتَ مِنَ الْثَّلَاثَمَانَةِ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ مِنَ الْعَامَةِ، فِيهَا يُحْيَى وَيُمِيتُ وَيُمْطِرُ وَيُنَبِّتُ وَيُدْفِعُ الْبَلَاءَ عَنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ، فَيُلَعِّبُ اللَّهُ بْنُ مُسَعُودَ: كَيْفَ بِهِمْ يُحْيَى وَيُمِيتُ؟ قَالَ: لَأَنَّهُمْ يَسْأَلُونَ اللَّهَ إِكْثَارًا الْأَمْمَ فَيَكْثُرُونَ وَيَدْعُونَ عَلَى الْجَبَابِرَةِ فَيُقْصَمُونَ، وَيَسْتَسْقُونَ فَيُسْقَوْنَ، وَيُسَالُونَ فَتَنَبَّتْ لَهُمُ الْأَرْضُ، وَيُدْعَونَ فَيُدْفَعُ بِهِمْ أَنْوَاعُ الْبَلَاءِ.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah memiliki di antara makhluk-Nya tiga ratus orang yang hati mereka seperti hati Adam AS, empat puluh orang yang hati mereka seperti hati Musa AS, tujuh orang yang hati mereka seperti hati Ibrahim AS, lima orang yang hati mereka seperti hati Jibrail AS, tiga orang yang hati mereka seperti hati Mikail AS, dan satu orang yang hatinya seperti hati Israfil AS. Jika yang satu meninggal, Allah menggantikannya dari yang tiga, jika dari yang tiga meninggal, Allah menggantikannya dari yang lima, jika dari yang lima meninggal, Allah menggantikannya dari yang tujuh, jika dari yang tujuh meninggal, Allah menggantikannya dari yang empat puluh, jika dari yang empat puluh meninggal, Allah menggantikannya dari yang tiga ratus, dan jika dari yang tiga ratus meninggal, Allah menggantikannya dari orang awam.”

2. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dalam Musnadnya daripada Sayyidina Ali bin Abi Talib bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْأَبْدَالُ بِالشَّامِ، وَهُمْ أَرْبَعونَ رَجُلًا ، كُلَّمَا ماتَ رَجُلٌ أَبْدَلَ اللَّهُ تَعَالَى مَكَانَهُ رَجُلًا يُسْقَى بِهِمُ الْغَيْثَ، وَيُنَتَّصَرُ بِهِمْ عَلَى الْأَعْدَاءِ، وَيُصْرَفُ عَنْ أَهْلِ الشَّامِ بِهِمُ الْعَذَابَ.

Maksudnya: Al-Abdal berada di Syam, mereka terdiri daripada empat puluh orang lelaki. Setiap kali salah seorang daripada mereka meninggal dunia, Allah menggantikan tempatnya dengan orang lain. Melalui mereka, Allah menurunkan hujan, memberikan kemenangan atas musuh, dan menghindarkan penduduk Syam daripada azab.

3. Diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam al-Awsat daripada Saiyidina Anas bin Malik, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَنْ تَخْلُوُ الْأَرْضُ مِنْ أَرْبَعِينِ رَجُلًا مِثْلَ خَلِيلِ الرَّحْمَنِ فِيهِمْ يَسْقُونَ وَبِهِمْ يَنْصُرُونَ، مَا ماتَ مِنْهُمْ أَحَدٌ إِلَّا
أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ آخَرَ.

Maksudnya: Bumi tidak akan kosong daripada empat puluh orang lelaki yang seperti Khalil ar-Rahman (Nabi Ibrahim). Melalui mereka, hujan diturunkan, dan melalui mereka, umat diberikan kemenangan. Setiap kali salah seorang daripada mereka wafat, Allah akan menggantikannya dengan orang lain.

4. Diriwayatkan oleh al-Hakim al-Tirmidhi daripada Sayyidina Anas bin Malik ra bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْبَدَلَاءُ أَرْبَاعُونَ رَجُلًا: اثْنَانِ وَعِشْرُونَ بِالشَّامِ وَشَعْنَانِيَّةٍ عَشَرَ بِالْعَرَاقِ، كُلُّمَا ماتَ مِنْهُمْ وَاحِدٌ أَبْدَلَ اللَّهُ
مَكَانَهُ آخَرَ، فَإِذَا جَاءَ الْأَمْرُ قَبَضُوا كُلَّهُمْ فَعْنَدَ ذَلِكَ تَقُومُ السَّاعَةِ.

Maksudnya: Al-Budala' terdiri daripada empat puluh orang lelaki: dua puluh dua di Syam dan lapan belas di Iraq. Setiap kali salah seorang daripada mereka wafat, Allah akan menggantikannya dengan yang lain. Apabila tiba saat ketetapan (kiamat), mereka semua akan diwafatkan, dan pada waktu itu, kiamat pun berlaku.

5. Diriwayatkan oleh Imam al-Suyuti daripada Sayidina Anas bin Malik berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْأَبْدَالُ أَرْبَاعُونَ رَجُلًا وَأَرْبَاعُونَ امْرَأَةً ، كُلُّمَا ماتَ رَجُلٌ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ رَجُلًا ، وَكُلُّمَا ماتَتْ امْرَأَةٌ أَبْدَلَ اللَّهُ
مَكَانَهَا امْرَأَةً.

Maksudnya: Al-Abdal terdiri daripada empat puluh lelaki dan empat puluh wanita. Setiap kali seorang lelaki daripada mereka wafat, Allah akan menggantikannya dengan lelaki yang lain, dan setiap kali seorang wanita daripada mereka wafat, Allah akan menggantikannya dengan wanita yang lain.

Hadis-hadis ini menjadi dalil dan sandaran para ulama dalam meyakini kewujudannya. Sheikh Ahmad al-Linggi menjelaskan bahawa penolakan sesetengah pihak terhadap hadis dan athar ini disangkal dengan kewujudan pelbagai jalur periwayatan yang saling menguatkannya. Beliau menukilkan pandangan al-Allamah al-Shubri yang berkata (Ahmad al-Linggi 1308: 23):

“Bermula Awtad, dan Anjab, dan Abdal, dan umpama mereka itu didapati akan mereka itu. Dan telah datang pada mereka itu oleh bilangan beberapa hadis. Dan mencerca setengah manusia padanya seumpama Ahmad bin Taymiyyah dan mereka-mereka yang mengikut akannya. Ditolak akannya kerana bahawa setengahnya menguat ia akan setengah.”

Sheikh Abdullah al-Ghumārī dalam kitab *al-I'lām bi anna al-Taṣawwuf min Sharī'at al-Islām* menjelaskan bahawa istilah-istilah dalam Tasawuf seperti Qutb, Awtad, Nujaba' dan

Abdal walaupun sekiranya ia tidak disebut dalam al-Quran atau hadis, ia tetap sah digunakan kerana istilah-istilah ini adalah hasil kesepakatan dalam kalangan ahli sufi sama seperti bidang ilmu lain seperti fiqh, usul, dan nahu. Setiap bidang mencipta istilah khusus untuk memudahkan pemahaman dalam kalangan mereka. Oleh itu, tidak wajar untuk mempertikaikan istilah-istilah sufi ini kerana ia telah menjadi sebahagian daripada ilmu mereka sejak zaman dahulu (al-Ghumārī 2014).

Walaupun sebahagian ulama menolak kewujudan maqam-maqam wali seperti Qutb dan lain-lain, penerimaan atau penolakan terhadap kewujudannya tidak menjelaskan akidah kerana ia termasuk dalam cabang kerohanian. Maqam-maqam ini termasuk dalam perkara ghaib yang tidak dapat difahami sepenuhnya oleh akal manusia biasa dan hanya dapat disaksikan oleh mereka yang mencapai tahap kerohanian tertentu. Ini kerana tasawuf adalah cabang ilmu yang menekankan penghayatan kerohanian dan *tajrībah al-sūfiyyah*. Oleh itu, untuk memahami istilah-istilah ini, seseorang perlu merujuk kepada ahli sufi. Justeru, mengaitkan perkara ini dengan kekufuran adalah satu tuduhan yang melulu (Muhamamd Zaki Ibrahim 2005).

Kesimpulannya, Sheikh Ahmad al-Lingga berpendapat bahawa konsep martabat wali seperti Qutb, Abdal, Nujaba' dan Awtad adalah sebahagian daripada ilmu tasawuf yang berlandaskan hadis-hadis dan athar meskipun sebagianya bersifat *da'if*. Beliau menolak pandangan seperti Sheikh Ibn Taymiyyah yang menafikan kewujudan martabat wali ini. Sebaliknya, Sheikh Ahmad al-Lingga berhujah bahawa hadis-hadis dalam bab ini saling menguatkan melalui pelbagai jalur periwayatan sehingga menjadikannya dapat diterima. Istilah-istilah ini digunakan dalam kalangan ahli sufi untuk menunjukkan hierarki rohani yang menjadi sebahagian daripada sistem kerohanian Islam.

Kesimpulan

Sheikh Ahmad al-Lingga adalah seorang ulama besar dari Negeri Sembilan yang terkenal dengan sumbangannya dalam bidang tasawuf dan tarekat khususnya dalam konteks Tarekat al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyyah. Pengaruh pemikiran tasawufnya didasari oleh latar belakang pendidikan beliau, baik secara formal maupun tidak formal, serta bimbingan langsung daripada bapanya, Sheikh Haji Muhammad Said al-Lingga. Dengan pengalaman dan keilmuan yang luas, beliau telah menghasilkan pelbagai karya khususnya dalam bidang tarekat dan tasawuf. Mengikut pemikiran tasawufnya, beliau mendefinisikan wali sebagai seseorang yang sampai kepada Allah. Kesampaian kepada Allah adalah satu tahap kedekatan yang tinggi yang terhasil melalui ketaatan, keiman dan makrifatullah yang mendalam. Definisi ini selari dengan pandangan ulama tasawuf lain yang mengaitkan kewalian dengan makrifah dan *fana'*. Apabila seorang wali mencapai kedekatan dengan Allah, dirinya lenyap daripada memandang dirinya sendiri. Dari segi sifat-sifat wali, Sheikh Ahmad al-Lingga menjelaskan bahawa seorang wali mesti menjadikan akidah yang sahih sebagai panutan utama, berpegang teguh kepada syariat dan sentiasa mengikuti sunnah Rasulullah SAW. Selain itu, beliau menyifatkan seorang wali adalah seorang yang banyak berzikir kerana ia menjadi medium untuk mendekatkan diri kepada Allah, menyucikan jiwa dan mencapai makrifat yang hakiki. Dengan sifat-sifat ini, seorang wali dapat dikenali dan dibezakan daripada individu yang mendakwa kewalian secara palsu. Dalam membincangkan martabat wali, Sheikh Ahmad al-Lingga menerima konsep martabat wali seperti wali Qutb, Abdal, Nujaba' dan al-Awtad. Beliau berhujah bahawa

meskipun terdapat hadis-hadis *da‘if* mengenai konsep ini, sanad yang datang dari pelbagai jalur menjadikannya saling menguatkan. Ini membuktikan bahawa istilah-istilah dalam hierarki rohani ini tidak bertentangan dengan syariat Islam. Kesimpulannya, Sheikh Ahmad al-Lingga menempatkan konsep kewalian dalam kerangka yang harmoni antara akidah, syariat, dan hakikat. Pandangan beliau selari dengan pandangan para ulama Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah dan ulama tasawuf. Oleh yang demikian, ia membantu menjaga keaslian konsep kewalian dalam Islam dan menolak sebarang salah faham atau penyelewengan yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah.

Rujukan

- Abdul Manam Mohamad. 2009. Beberapa Asas Ajaran Tasawuf Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 2: 41-53. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/45>.
- Ahmad bin Muhamamrd Said al-Lingga. 1358Ha. *al-Qawl al-Wāfi*. Kasmain (pnys.). Singapura: Jawi Press.
- Ahmad bin Muhamamrd Said al-Lingga. 1358Hb. *Ittiḥāf Dhawī al-Raghabāt*. Kasmain (pnys.). Singapura: Jawi Press.
- Ahmad bin Muhamamrd Said al-Lingga. 1358Hc. *Raf‘ al-Khidr ‘an Amr al-Awliya’ wa Sayidihim al-Khidr*. Kasmain (pnys.). Singapura: Jawi Press.
- Ahmad bin Muhammad Sa‘id. 1355 H. *Makalah Bagi Meingat Perdirian al-Madrasah al-Sa‘idiyah*. Seremban: Madrasah al-Sa‘idiyyah.
- Basri Ibrahim. 2021. *Bantahan Ulama Kurun ke-6 Hijrah Terhadap Manhaj & Amalan Melampau Ahli Sufi*. Ipoh: Manhaj Clear Publication.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm. 2015. *Hāshiyat al-Bājūrī ‘alā Jawharat al-Tawhīd*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Berita Harian. 2024. GISBH ada unsur kultus, perlu hapus akar ajaran sesat supaya tak berulang - Dr Asri, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1306762/gisbh-ada-unsur-kultus-perlu-hapus-akar-ajaran-sesat-supaya-tak>, diakses pada 9 Oktober 2024.
- ‘Abd al-Qādir Ḥasan. 2008. *Haqā‘iq ‘an al-Taṣawwuf*. Ḥalab: Dār al-‘Irfān.
- Al-Fayrūzābādī, Muḥammad bin Ya‘qūb Majd al-Dīn. 2008. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. t.th. *Rawdat al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Sālikīn*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-Ḥadīthiyyah.
- Al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin al-Ṣiddīq. 2014. *Al-I‘lām bi-anna al-Taṣawwuf min Sharī‘at al-Islām*. Kaherah: Maktabat al-Qāhirah.
- Hamdan Hassan. 1990. *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Salleh & Muhammad Nur Manuti. 1993. Tuan Mufti as-Sheikh al-Haji Ahmad bin al-Sheikh Muhammad Sacid al-Dandarawi (1914-1964). Dlm. *Ulama Silam dalam Kenangan*.
- Hazman Hassan & Muhammad Ihsan Idris. 2017. Wali Allah, Antara Fakta dan Mitos: Satu Kajian Menurut Syeikh Abd. Al-Qadir al-Mandili, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 8, Issue 1: 46-55.

- Facebook. 2024. <https://www.facebook.com/share/p/1Jct5LXMYs/>, diakses pada 10 Oktober 2024.
- Al-Hujwīrī. 2008. *Kashf al-Maḥjūb*. Kaherah: Maktabat al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Ibn Ḥajar al-Asqalānī, Aḥmad bin Ḩalī. 2005. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyāḍ: Dār al-Tayyibah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl b. Ḩumar al-Dimashqī. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Beirut: Dār al-Khayr, 1990
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb bin Sa‘d Shams al-Dīn. 1980. *Al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa‘īf*. Ḥalab: Maktabat al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad. 2004. *Majmū‘ al-Fatāwā*. al-Madīnah al-Munawwarah: Majma‘ al-Malik Fahd li-Ṭibā‘at al-Muṣṭafāfi al-Sharīf.
- Jahid Sidek. 2010. *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*. Cheras: al-Falah Publications.
- Al-Jurjānī, Ḩalī bin Muḥammad. 1990. *Al-Ta‘rīfāt*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣrī.
- Mahmud Saedon Awang Othman (pnyt.). 1986. *Suratan Yang Mengandungi Perbahasan Berzikir Akan Allah dengan Kuat*. Seremban: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 1980. Tuan Haji Ahmad bin Mohd Said: Pemimpin al-Tariqah al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyah. Dlm. *as-Sheikh al-Haj Ahmad Bin as-Sheikh Mohd Said Jamaluddin al-Dandarawi Dalam Ingatan*.
- Mohd Aizul Yaakob, Mohammad Roshimi Abdulllah, Muhammad Ihsan Idris. 2022. Salah faham konsep wali dan karamah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: Analisis isu yang tular di internet. Safinah Ismail, Nur Uswah Ahmad Fauzi, Noor Hafizah Mohd Haridi, Ahmad ‘Atoa Mokhtar (pnyt.) Dlm. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin (Siri 3)* 2022, hlm. 48-57. Kajang: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad Labib Ahmad. 2023. Konsep kewalian tasawuf. Abdul Razak Mahmud (pnyt.). Dlm. *Di Sekitar Wali dan Karamah Antara Fakta dan Khayal*, hlm 22-37. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Muhammad Zakī Ibrahim. 2005. *Uṣūl al-Wuṣūl Adillat Ahamma Ma‘ālim al-Ṣūfiyyah al-Ḥaqqaḥ min Ṣarīḥ al-Kitāb wa Ṣaḥīḥ al-Sunnah*. t.tp:t.pt.
- Al-Nabhānī, Yūsuf bin Ismā‘īl. 1991. *Jāmi‘ Karāmāt al-Awliyā’*. Beirut: Al-Maktabah al-Thaqāfiyyah.
- Al-Qāshānī, Kamāl al-Dīn Ḩabd al-Razzāq. 1350 H. *Iṣṭilāḥāt al-Ṣūfiyyah*. t.tp: Intishārāt Bīdār.
- Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim. 1989. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*. Kaherah: Maṭābi‘ Mu'assasat Dār al-Shāb.
- Al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr bin Ḩabd al-Qādir. 1986. *Mukhtār al-Ṣihāḥ*. t.tp: t.pt.
- Al-Safārīnī, Muḥammad bin Aḥmad. 1991. *Lawāmi‘ al-Anwār al-Bahīyyah wa Sawāti‘ al-Asrār al-Athāriyyah*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn. 2005. *Al-Khabar al-Dāll ‘alā Wujūd al-Quṭb wa al-Awtād wa al-Nujabā’ wa al-Abdāl*. Damsyiq: Dār al-Bayrūtī.
- Al-Taftāzānī, Sa‘d al-Dīn Mas‘ūd bin Ḩumar. t.th. *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafīyyah*. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Zakaria Stapa. 2024. *Di Sekitar Wali dan Karamah Satu Respons Berdasarkan Perspektif Disiplin Ilmu Tasawuf*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

al-Zarrūq, Ahmad al-Fāsī. 2005. *Qawā'id al-Taṣawwuf*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.